

B521:
MAHATHIR-PERNIAGAAN

1981

MELAKA, 16 OGOS (BERNAMA) — PARA PENIAGA BUMIPUTERA YANG SUDAH BERJAYA PERLU TERUS MENDALAMI LAGI SELOK-BELOK PERNIAGAAN BAGI MENINGKATKAN LAGI KEMAJUAN MEREKA, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD.

PERDANA MENTERI MENYESALI SIKAP SETENGAH-SETENGAH PENIAGA BUMIPUTERA YANG TIDAK MAHU BERBUAT DEMIKIAN KERANA KONONNYA MEREKA SUDAH BERJAYA.

+SIKAP SEPERTI INI ADALAH SALAH KERANA DALAM BIDANG PERUSAHAAN DAN PERNIAGAAN, KITA PERLU SENTIASA MEMPERBARUI DAN MENINGKATKAN PENGETAHUAN KITA SEPANJANG MASA WALAUPUN TELAH MAJU, + KATANYA.

BELIAU MENYATAKAN DEMIKIAN KETIKA BERUCAP DI MAJLIS JAMUAN MAKAN MALAM ANJURAN DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN MELAYU CAWANGAN NEGERI MELAKA DI DEWAN HANG TUAH DI SINI MALAM TADI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGGESA DEWAN-DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN MELAYU SUPAYA MEMPERHEBATKAN LAGI USAHA-USAHA MENGANJURKAN KURSUS-KURSUS LATIHAN DAN SEMINAR MENGENAI PENGURUSAN UNTUK AHLI-AHLI.

BAGI MENJAYAKAN KURSUS-KURSUS TERSEBUT, BELIAU MENYARANKAN SUPAYA SELAIN DARI PARA PENGUSAHA BUMIPUTERA YANG TELAH MAJU, RAKAN-RAKAN BUKAN BUMIPUTERA JUGA PERLU DIUNDANG UNTUK MENCERITAKAN PENGALAMAN-PENGALAMAN MEREKA. -- BERSAMBUNG 1202/A1

B522:
MAHATHIR-PERNIAGAAN 2 MELAKA

BELIAU YAKIN BANYAK PARA PENIAGA BUKAN BUMIPUTERA YANG SANGGUP UNTUK MENERANGKAN CARA-CARA MEREKA MENGURUSKAN PERNIAGAAN DAN PENGALAMAN-PENGALAMAN ITU AMAT BERGUNA JIKA DAPAT DIPELAJARI OLEH KAUM BUMIPUTERA.

SEBELUM ITU, KETUA MENTERI MELAKA ENCIK MOHAMAD ADIB BIN HAJI ADAM BERKATA KERAJAAN AKAN MENERUSKAN USAHA DAN SOKONGANNYA UNTUK MEMBOLEHKAN LEBIH RAMAI BUMIPUTERA BERKECIMPUNG DALAM BIDANG PERNIAGAAN.

MENURUTNYA, TAHUN INI SAHAJA, KERAJAAN MENGELUARKAN \$500,000 UNTUK MENDIRIKAN GERAI-GERAI DI MERATA TEMPAT BAGI MEMBERI KEMUDAHAN TEMPAT BERNIAGA UNTUK PARA PENGUSAHA BUMIPUTERA.

BELIAU BAGAIMANAPUN MENINGATKAN MEREKA SUPAYA JANGAN TERLALU MENGHARAPKAN BANTUAN DARI KERAJAAN TETAPI MESTI SANGGUP BERDIKARI UNTUK MENCAPAI KEJAYAAN WALAUPUN TERPAKSA MULA BERNIAGA SECARA KECIL-KECILAN.

TURUT SAMA JALAH DATIN SERI DR. SITI HASMAM, ISTERI KETUA MENTERI, PUAN ZAINAH HUSSEIN DAN TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI ENCIK ABDUL RAHIM DATUK THAMBY CHIK. -- BERNAMA 1205/A1